

7 FEBRUARI 2010


## Lelaki tak serik keluar penjara

**S**EGAMAT: Seorang lelaki yang baru beberapa bulan dibebaskan daripada penjara masih tidak serik apabila cuba mengedar dadah sebelum ditahan dalam sekatan jalan raya di sekitar Batu Anam, di sini.

Ketua Polis Daerah Segamat, Superintendan Abdul Majid Mohd Ali, berkata lelaki berkenaan ditahan ketika menunggang motosikal bersendirian di kawasan Kampung Paya Luas Batu Anam, di sini, kira-kira jam 12.45 tengah malam, 2 Februari lalu.

Menurutnya, pemeriksaan ke atas lelaki berkenaan membawa kepada penemuan 229 gram dadah dipercayai jenis heroin di dalam dua beg pinggangnya.

"Kami percaya suspek dalam perjalanan untuk mengedar dadah berkenaan. Nilai dadah dipercayai jenis heroin yang dirampas ialah kira-kira RM19,000," katanya.



**Nilai dadah dipercayai jenis heroin yang dirampas ialah kira-kira RM19,000"**

> Superintendan Abdul Majid Mohd Ali  
Ketua Polis Daerah Segamat

Majid berkata, pemeriksaan mendapati lelaki yang tidak mempunyai kerja tetap itu berasal dari Felda Pemanis 2, di sini, dan pernah dua kali ditahan atas kesalahan dadah.

Katanya, suspek juga mempunyai dua rekod jenayah dadah dan baru dibebaskan dari Penjara Simpang Renggam, dekat sini.